

DATE: 13/11/2007

# Berkongsi sumber teroka peluang perniagaan: PM

BH - 13/11/2007

## Intrade 2007 landasan komuniti usahawan kenal pasti kerjasama

Oleh Zainab Mohd Yatim

**A**HLI perniagaan tempatan perlu berkongsi sumber dan pengetahuan dalam usaha mengembangkan serta meneroka peluang perniagaan bagi meraih manfaat bersama, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, dalam persekitaran perniagaan yang berdaya saing, sesebuah syarikat berpeluang meraih keuntungan ekonomi lebih besar dengan bekerjasama, berbanding jika bekerja secara berseendirian.

“Walaupun ia (perkongasian) kelihatan seperti bertentangan dengan ciri persaingan, tetapi dengan berkongsi pengetahuan dan sumber, semua pihak akan mendapat manfaat,” katanya ketika berucap merasmikan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Intrade) 2007, di Kuala Lumpur, semalam.

Pameran anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) selama empat hari sehingga Khamis ini disertai 366 syarikat, termasuk 48 syarikat luar negara.

Abdullah menegaskan, pameran seperti Intrade 2007 adalah antara sumbangan Malaysia ke arah menyediakan landasan bagi membolehkan komuniti perniagaan dari pelbagai negara mengenal pasti dan mewujudkan perkongasian.

Beliau berkata, perkongasian itu membolehkan syarikat yang menyertainya meraih manfaat daripada pengembangan perdagangan global.



**DETIK BERSEJARAH:** Abdullah menurunkan tandatangan sebagai tanda perasmian Menara Matrade di Kuala Lumpur, semalam. Turut memerhati, Menteri Perdagangan Antarabangsa, Datuk Seri Rafidah Aziz; Pengerusi Matrade, Tan Sri Halim Mohamad; serta Ketua Pegawai Eksekutif Matrade, Datuk Noharudin Nordin.

“Sementara kerajaan terus menyediakan persekitaran yang diperlukan, sektor swasta perlu menjadi pemacu utama untuk menggerakkan pengembangan perdagangan dan ekonomi bagi membolehkan semua negara terus maju,” katanya.

Perdana Menteri yakin, matlamat menjalin kerjasama perniagaan yang kukuh dapat dicapai menerusi penyertaan lebih 800 peniaga dalam Intrade 2007 yang juga mewakili lebih 50 negara termasuk dari Asean, Asia Timur, Asia Selatan, Asia Barat, Eropah dan Afrika.

Beliau juga berpuas hati hati kerana ahli perniagaan yang menyertai pameran itu cuba meneroka jalinan

perniagaan dengan pelabur Malaysia dan syarikat antarabangsa yang lain dalam bidang galian dan pertanian yang banyak terdapat di negara Afrika.

“Saya juga difahamkan, jalinan kerjasama turut diteroka dalam bidang pembangunan infrastruktur seperti dalam pengembangan rangkaian telekomunikasi, meningkatkan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kemajuan dalam bidang pembangunan sumber manusia,” katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, di dalam Asean, Malaysia sudah membina reputasi yang kukuh dalam bidang perdagangan dan industri se-

jak 50 tahun lalu.

Beliau berkata, menerusi rancangan pembangunan ekonomi jangka panjang yang terancang, dasar perniagaan, infrastruktur yang baik serta pembangunan modal insan yang mahir, kerajaan yakin mencapai matlamatnya menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Ketika ini, katanya, Malaysia berada dalam senarai antara 20 negara perdagangan terbesar yang mengeksport pelbagai jenis produk dan perkhidmatan ke semua negara, khususnya minyak sawit, getah, komponen elektrik dan elektronik serta perabot kayu.